



SIARAN AKHBAR

**Untuk Siaran Segera
30 Ogos 2019**

ASNBS ISYTIHAR PENGAGIHAN PENDAPATAN 5.00 SEN SEUNIT UNTUK ASM 2 WAWASAN

- Amanah Saham Nasional Berhad (ASNBS), syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), hari ini mengumumkan pengagihan pendapatan untuk dana harga tetap, Amanah Saham Malaysia 2 Wawasan (ASM 2 Wawasan) bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2019.
- Seramai 883,049 pemegang unit ASM 2 Wawasan akan menerima 5.00 sen seunit, dengan jumlah pembayaran pengagihan pendapatan berjumlah RM1.06 bilion.
- Jumlah pembayaran kekal kompetitif walaupun dalam keadaan persekitaran pasaran yang sangat mencabar di mana FBM KLCI menurun sebanyak 10.16% bagi tahun kewangan semasa sehingga 31 Julai 2019.
- Urus niaga bagi ASM 2 Wawasan telah ditangguhkan buat sementara waktu di semua cawangan bermula 29 Ogos hingga 2 September 2019 untuk tujuan pengiraan pengagihan pendapatan bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2019. Pemegang unit boleh menyemak dan mengemas kini akaun mereka di www.myasnb.com.my atau melalui aplikasi myASNBS apabila urus niaga beroperasi semula pada 3 September 2019.

Kuala Lumpur, 30 Ogos 2019: Amanah Saham Nasional Berhad (ASNBS), syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB) hari ini mengumumkan pengagihan pendapatan 5.00 sen seunit untuk dana harga tetap Amanah Saham Malaysia 2 Wawasan (ASM 2 Wawasan) bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2019.

ASM 2 Wawasan, yang dahulunya dikenali sebagai Amanah Saham Wawasan 2020 akan membayar sebanyak RM1.06 bilion sebagai pengagihan pendapatan kepada 883,049 pemegang unit yang memiliki 21.6 bilion unit. Dana harga tetap tersebut mencatatkan pendapatan bersih sebanyak RM760 juta bagi 11 bulan pertama tahun

kewangannya setakat 31 Julai 2019, di sebalik prestasi pasaran saham tempatan yang agak lemah kesan daripada faktor-faktor luaran dan global.

Pengerusi Kumpulan PNB, Tan Sri Dr. Zeti Aziz berkata, “Kami sukacita kerana masih dapat memberikan pulangan yang kompetitif secara konsisten kepada pemegang unit kami walaupun berhadapan dengan pasaran semasa yang mencabar sepanjang tahun kewangan dana ini. Untuk menghadapi cabaran pasaran kewangan domestik dan global yang sangat tidak menentu, PNB memberikan tumpuan kepada pengukuhan daya tahan syarikat dan kekal komited kepada mandat kami untuk meningkatkan kekayaan ekonomi masyarakat Bumiputera dan rakyat Malaysia menerusi pelaburan yang kukuh, yang kami yakin akan memastikan pulangan yang mapan untuk jangka panjang.”

Sejak permulaan tahun kewangan ASM 2 Wawasan, FBM KLCI telah menurun sebanyak 10.16% daripada 1,819.66 pada penutup 31 Ogos 2018 kepada 1,634.87 pada 31 Julai 2019. Setakat 31 Julai 2019, ASM 2 Wawasan telah menjana pendapatan kasar sebanyak RM979.5 juta, dengan keuntungan daripada jualan saham menyumbang sebanyak RM231.05 juta atau 24%. Pendapatan dividen daripada pelaburan dalam syarikat-syarikat tersenarai dan tidak tersenarai berjumlah RM569.48 juta atau 58% daripada jumlah pendapatan kasar, dengan baki RM178.98 juta atau 18% daripada pelaburan dalam sukuk/deposit tetap Islamik serta pendapatan dari instrumen berpendapatan tetap lain.

Pengiraan pengagihan pendapatan untuk ASM 2 Wawasan adalah berdasarkan purata baki minimum yang dipegang sepanjang tahun kewangan dana tersebut. Pengagihan yang diisytiharkan oleh ASM 2 Wawasan akan dilaburkan semula sebagai unit tambahan ke dalam akaun pemegang unit dan akan dikreditkan secara automatik ke dalam akaun pemegang unit pada 1 September 2019.

Semua urusan niaga bagi ASM 2 Wawasan telah ditangguhkan buat sementara waktu mulai 29 Ogos hingga 2 September 2019 untuk tujuan pengiraan pengagihan pendapatan. Pemegang unit boleh mengemas kini akaun mereka melalui portal ASNB www.myasnb.com.my atau aplikasi myASNB, atau di mana-mana ejen ASNB atau

cawangan ASNB di seluruh negara apabila urusan niaga kembali beroperasi pada 3 September 2019.

-Tamat-

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan-pelaburan strategik di syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, layari www.pnb.com.my.

Mengenai Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 32 pejabat cawangan dan lebih 2,600 cawangan ejen seluruh negara. ASNB kini mengurus 14 dana unit amanah dengan 248.5 bilion unit dalam edaran (UIC) dan 14.1 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.asnb.com.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03 7730 8899

Amanah Saham Malaysia 2 Wawasan (ASM 2 Wawasan)

ASM 2 Wawasan (dahulunya dikenali sebagai Amanah Saham Wawasan 2020) merupakan dana harga tetap yang dilancarkan pada 28 Ogos 1996. ASM 2 Wawasan merupakan dana aset campuran yang bersesuaian untuk pelabur yang memahami risiko dan pulangan pelaburan serta menjangkakan manfaat dari pertumbuhan jangka panjang hasil pelaburan semula pengagihan pendapatan (sekiranya ada) dan penerimaan pendapatan (sekiranya ada) ke atas pelaburan mereka.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad